



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROJEK PEMASANGAN LAMPU JALAN
DI TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA**

**OLEH
YANG AMAT BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**20 APRIL 2018 (JUMAAT)
8.30 MALAM**

**TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA
(BERSEBELAHAN MASJID SEBERANG JAYA)**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penduduk Seberang Jaya

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

.....

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir ke Majlis Perasmian Pemasangan Lampu Jalan di Taman Tunku, Seberang Jaya walaupun ianya diadakan pada waktu malam hari.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, ini merupakan kali ketiga kita bertemu semula untuk merasmikan projek pemasangan lampu jalan di laluan *jogging* di Taman Tunku. Penduduk Seberang Perai terutama di Seberang Jaya ini yang berjumlah anggaran 50,000 penduduk patut berasa bangga dan beruntung kerana mempunyai sebuah taman awam, iaitu Taman Tunku yang sentiasa dijaga dan dinaik taraf oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Taman Tunku memberi faedah secara langsung kepada penduduk di sekitar Taman Siakap, Taman Chai Leng Park, Taman Senangin, Taman Sembilang, Taman Todak, Bandar Sunway, Taman Sutra dan juga menarik minat pengunjung dari luar kawasan Seberang Jaya.

MPSP dan juga pihak swasta melalui Program CSR telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk pengunjung iaitu bangku, laluan berbasikal, trek jogging dan peralatan 'outdoor gym'. Taman Tunku terletak di lokasi yang strategik yang juga menjadi tumpuan orang ramai untuk beriadah, mengadakan program keramaian, bersukan, beribadat dan menjamu selera. Kompleks-kompleks yang berada berhampiran Taman Tunku adalah Masjid Seberang Jaya, Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya, Seberang Perai *Arena Convention Centre* dan Kompleks Sukan, Medan Selera Taman Siakap, Kompleks Rekreasi Sony Seberang Jaya, Taman Linear dan yang terbaru Taman Fotografi yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow pada 7 April 2018 di Taman Sembilang.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pemasangan lampu jalan awam di laluan trek jogging bersebelahan dengan Sungai Pertama dan Taman Tunku ini merupakan cadangan daripada YAB Ketua Menteri sendiri yang sejajar dengan inisiatif kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" yang sekaligus memenuhi kehendak penduduk setempat dalam menyediakan pencahayaan yang secukupnya untuk

keselamatan dan kemudahan orang ramai beriadah pada waktu petang dan malam.

Sehubungan dengan itu, pemasangan lampu jalan di laluan *jogging* dari jalan bersebelahan Taman Burung dan Safira Contry Club sehingga Taman Tunku telah disenaraikan sebagai salah satu program yang di bawah Keutamaan Strategi 01 (*Strategic Priorities*) dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang bertujuan memberi keselesaan dan meningkatkan keselamatan orang awam serta gaya hidup sihat.

Ini merupakan satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, ‘stakeholders’, Kerajaan Negeri dan warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan “***Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow***”.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pemasangan lampu jalan awam di laluan trek jogging bersebelahan dengan Sungai Pertama dan Taman Tunku dilaksanakan secara berperingkat:-

Di bawah Fasa 1 sebanyak 20 batang tiang konkrit dan 11 unit lampu 150 watt/unit telah dipasang di laluan trek *jogging* sepanjang 626 meter yang terletak di antara Sungai Pertama dan parit. Projek itu menelan belanja sebanyak RM60,500.00. Projek ini dimulakan pada 27 September 2017 dan telah disiapkan pada 13 Oktober 2017 yang telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 18 Oktober 2017.

Bagi projek Fasa 2 pula, adalah merupakan projek sambungan daripada Fasa 1, di mana sebanyak 11 tiang konkrit dan 8 unit lampu 150 watt/unit telah dipasang sepanjang 328 meter dengan menelan belanja sebanyak RM42,700.00. Projek ini telah dimulakan pada 23 Disember 2017 dan disiapkan pada 10 Januari 2018 yang juga telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada 15 Januari 2018.

Dalam peringkat ketiga atau Fasa 3, Projek Pemasangan Lampu Jalan dilaksanakan di sepanjang laluan *jogging* di Taman Tunku dan akan dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri pada hari ini. Projek pemasangan lampu jalan ini dibahagikan kepada dua iaitu:-

- A. Pemasangan 15 tiang konkrit (7.5 meter/unit), 15 unit lampu jalan LED (90 watt/unit), 3 unit lampu jalan LED (120 watt/unit), 6 unit lampu jalan LED (100 watt/unit), 1 tiang

highmast (12 meter/unit) dan 3 unit lampu limbah SON (250 watt/unit) di sepanjang 436 meter laluan *jogging* berdekatan Kolam Renang MPSP Seberang Jaya. Projek ini telah dimulakan pada 13 Mac 2018 dan disiapkan pada 30 Mac 2018 dengan belanja sebanyak RM116,780.00.

- B. Naiktaraf pencahayaan ke atas 6 tiang dan 12 unit lampu limbah LED (100 watt/unit) di laluan jogging trek dan *outdoor gym* di belakang kawasan perumahan di Lorong Tenggiri. Projek ini juga dimulakan pada 13 Mac 2018 dan tamat pada 30 Mac 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM19,639.00.

Dengan adanya projek pencahayaan ini, diharapkan orang awam dapat menikmati dan mendapat manfaat daripadanya. Selain itu, diharapkan juga akan dapat menarik minat lebih ramai pengunjung untuk beriadah ke sini pada waktu petang dan malam memandangkan keadaan persekitaran yang lebih selamat dan selesa serta selari dengan hasrat dan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*" Seberang Perai.

Suka saya ingatkan semula kepada seluruh penduduk di Seberang Jaya ini atau pengunjung-pengunjung yang hadir supaya

bersama-sama menjaga trek jogging, lampu-lampu awam yang telah dipasang serta semua kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk kebaikan semua. Pelihara diri kita daripada membuat *vandalisme* atau kerosakan. Yang paling penting tidak membuang sampah di merata-rata tempat, juga meminum minuman keras dan memecahkan botol-botol tersebut di dalam taman. Saya ingin hebahkan bahawa MPSP sedang membuat intipan untuk menangkap mereka yang tidak bertanggungjawab meminum arak di tempat awam dan memecahkan botol-botol tersebut serta merosakkan harta benda awam.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada 24 Mac 2018, MPSP MPSP menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private and philanthropy partnership* MPSP bekerjasama bersama-sama dengan South Island Garment Sdn. Bhd. dan Armstrong Technology Sdn. Bhd. dalam menganjurkan Program Environment Conservation Awareness Event 2018 di sini. Program ini diadakan sempena Hari Air Sedunia 2018 dan melibatkan rawatan dan pemulihan kualiti air di Sungai Derhaka, Seberang Jaya menggunakan *EM Mudballs*.

Rawatan kualiti air menggunakan *mudballs* di Sungai Derhaka telah bermula sejak 19 Mac 2016 sehingga sekarang. Sebanyak 1,000 *mudballs* dilontar ke dalam sungai setiap bulan. Sehingga kini, secara keseluruhan sebanyak 60,000 *mudballs* telah dimasukkan ke dalam Sungai Derhaka. Usaha ini telah berjaya meningkatkan tahap kualiti air kepada tahap yang lebih baik iaitu pada kelas IIA di mana ianya boleh menjadi sumber bekalan air minuman selepas rawatan biasa dilakukan dan membolehkan hidupan akuatik.

Di kesempatan ini, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP untuk kebaikan penduduk Seberang Perai melalui CSR, kami amat mengalu-alukan usaha itu.

Saya berharap agar suatu hari nanti taman-taman awam di Seberang Perai ini tidak hanya menjadi tumpuan pengunjung di sebelah pagi dan petang bahkan juga di sebelah malam dengan dekorasi-dekorasi menarik daripada sumber-sumber terpakai seperti konsep Recycle, Recover atau Upcycle dan pencahayaan lampu yang pelbagai bagi tujuan *selfie* dan *wefie*.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada YAB Ketua Menteri atas sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua yang telah menjayakan program ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.